



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

PEJABAT MUFTI WILAYAH PERSEKUTUAN JABATAN PERDANA MENTERI

Aras 5, Blok D,
Kompleks Islam Putrajaya,
No. 3, Jalan Tun Abdul Razak,
Presint 3, 62100 Putrajaya

Tel : 03-8870 9000
Faks : 03-8870 9101
Web : www.muftiwp.gov.my

Rujukan kami : PmwP 100/1/4 Kt.4(36)

Tarikh : 11 April 2019

5 Syaban 1440H

SITI NAJEEHA BINTI ZAINI

Pengarah & Penyelaras,
Program Care For Ummah,
Food For Hunger Organisation,
No 38-2, Jalan 7/7B, 43650,
Bandar Baru Bangi,
Selangor Darul Ehsan.

Assalamualaikum w.b.t

Puan,

PENJELASAN HUKUM DAN PERMASALAHAN SEKITAR PROGRAM CARE FOR UMMAH

Dengan segala hormatnya, merujuk perkara di atas.

2. Pertama sekali kami ucapkan tahniah di atas usaha organisasi Food For Hunger membantu mangsa-mangsa bencana dan musibah. Ini adalah satu usaha yang sangat mulia dan menganggap bahawa usaha ini merupakan salah satu cara menunaikan tanggungjawab membantu mereka yang ditimpa kesusahan.

3. Kami juga telah meneliti dan mengamati surat dari pihak puan. Justeru kami bersetuju untuk menjawab dua persoalan berkenaan hukum hakam yang telah diajukan oleh pihak puan. Kami lampirkan bersama surat ini jawapan bagi persoalan yang telah dikemukakan untuk rujukan pihak puan. Kami sertakan juga dalil dan perbincangan para ulama agar jawapan yang kami kemukakan mampu memberikan pencerahan.

4. Semoga jawapan yang diberikan ini mampu menjawab persoalan dan melancarkan segala usaha yang dilakukan oleh pihak puan.

Sekian terima kasih.

Wasalam

"MENTAHQIQKAN KEUNGGULAN"

(DATO' SERI DR ZULKIFLI BIN MUHAMMAD AL-BAKRI)

Mufti Wilayah Persekutuan
Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan
Jabatan Perdana Menteri

Lampiran

1. Daging korban dikatakan hendaklah diedarkan pada komuniti setempat. Jadi kalau diedarkan kepada lokasi luar yang memerlukan seperti di lokasi bencana, lokasi perang dan sebagainya, adakah dibolehkan?

Jawapan :

Pada asalnya tidak boleh untuk mengedarkan daging korban luar daripada kawasan tempat korban itu disembelih. Ini berdasarkan kepada perbuatan Nabi SAW yang berkurban di tempatnya sendiri.

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَذْبَحُ وَيَنْحَرُ بِالْمُصَلَّى

Maksudnya : "Rasulullah SAW pernah menyembelih dan berkurban di kawasan solat."

Riwayat Al-Bukhari (5552)

Imam Al-Nawawi menyatakan bahawa tidak boleh untuk dipindahkan daging korban ke tempat yang lain. Ianya perlu diedarkan di kawasannya sendiri. Sepertimana hukum tidak boleh dipindahkan wang zakat ke tempat yang lain. (*Rujuk Al-Majmu' Syarh Al-Muhazzab*, 8/452)

Al-Khatib Al-Syarbini menjustifikasi pandangan ini dengan mengatakan bahawa ketidak harusan mengedarkan daging korban luar daripada kawasan adalah kerana takut menguris perasaan orang fakir dan miskin. Ini kerana daging-daging tersebut hanya boleh dirasai oleh mereka ketika aiduladha. (*Rujuk Mughni Al-Muhtaj ila Ma'rifah Ma'ani Alfaz al-Minhaj*, 4/282)

Namun, sebahagian para ulama membenarkannya. Di antaranya pandangan yang dikemukakan oleh Al-Mawardi. Beliau menyatakan bahawa boleh untuk diedarkan daging korban ke luar kawasan korban dilakukan. (*Rujuk Al-Hawi Al-Kabir Fi Mazhab Al-Imam Al-Syafie*, 15/75). Di antara ulama kontemporari yang berpandangan bahawa boleh mengedarkan daging korban ke luar kawasan ialah Sheikh Dr Yusuf Al-Qaradawi. (*Rujuk Al-Fatawa Al-Mua'asarah*, 4/488)

Namun, melihat kepada konteks di Malaysia, sudah ramai yang melakukan korban sehingga cukup untuk diedarkan kepada komuniti setempat. Kami cenderung untuk mengatakan bahawa boleh untuk diedarkan daging korban kepada mereka yang memerlukan di lokasi bencana, perang dan sebagainya. Ini termasuk di dalam firman Allah SWT :

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْإِرْبَادِ وَالْتَّقْوَىٰ

Maksudnya : "Dan hendaklah kamu saling menolong untuk membuat kebaikan dan bertaqwa,"

(Surah Al-Maidah : 2)

Kesimpulan bagi persoalan yang dikemukakan, dibolehkan untuk mengedarkan daging korban ke lokasi bencana dan sebagai yang mana ianya terletak luar daripada negeri atau negara di mana korban dilakukan.

2. Daging korban hendaklah diedar dalam tempoh 10 hingga 13 Zulhijjah, haram melebihi garis tempoh tersebut. Jadi, kalau diedar pada tempoh di luar waktu tersebut, mengikut kebutuhan kecemasan seperti bencana alam, perang, asraf di pedalaman dan sebagainya, adakah dibolehkan? Dan jika dibolehkan, adakah ianya mempunyai tempoh spesifik atau boleh diedar selama tempoh tarikh luput bagi daging korban yang telah siap diproses kepada daging siap dimasak?

Jawapan :

Tidak ada tempoh masa bagi pengedaran daging korban. Tempoh masa antara 10 sehingga 13 Zulhijjah adalah tempoh bagi sesiapa yang ingin melakukan korban. Ini berdasarkan kepada riwayat Al-Bara' Bin 'Azib bahawa Nabi SAW bersabda :

إِنَّ أَوَّلَ مَا تَبَدَّأُ فِي يَوْمِنَا هَذَا أَنْ تُصْلِي ثُمَّ تَرْجِعَ فَتَنْخَرَ فَمَنْ فَعَلَ ذَلِكَ فَقَدْ أَصَابَ
سُنَّتَنَا وَمَنْ نَخَرَ قَبْلَ الصَّلَاةِ فَإِنَّمَا هُوَ لَحْمٌ قَدَّمَهُ لِأَهْلِهِ لَيْسَ مِنْ النُّسُكِ فِي شَيْءٍ

Maksudnya :"Perkara pertama yang kami mulakan pada hari kami ini (aiduladha) adalah menunaikan solat kemudian kami pulang (ke rumah) dan melakukan korban. Sesiapa yang melakukan perkara yang sedemikian maka perbuatannya itu bertepatan dengan sunnah kami. Sesiapa yang berkorban sebelum solat makai a hanyalah daging yang diberikan kepada ahli keluarganya. Ia bukan korban sama sekali."

Riwayat Al-Bukhari (965)

Ini bermakna bahawa sesiapa yang melakukan korban sebelum atau selepas hari tasyriq, maka ianya tidak lagi dianggap sebagai korban. Hanya sembelihan bahawa. Begitu juga Nabi SAW bersabda :

كُلُّ أَيَّامِ التَّشْرِيقِ ذَبْخٌ

Maksudnya :" Setiap waktu pada hari Tasyriq adalah sembelihan (untuk korban)

Riwayat Al-Baihaqi (19718)

Adapun bagi pengedaran dan pemberian daging kepada fakir miskin dan mereka yang memerlukan tidak ada tempoh masa yang tertentu. Ianya boleh dan diharuskan untuk diedarkan selepas daripada hari Tasyriq. Lebih baik untuk disegerakan pengedaran daging korban. Ini ditakuti daging itu rosak dan sebagainya.